

**LAMPIRAN G**  
**(Kepada Terma-terma dan Syarta-syarat Perkhidmatan Pedagang)**  
**JomPay**

**1. PENGAKSESAN SKIM JomPAY**

- 1.1 Bank merupakan Peserta Skim sebagai Bank Pengebil dan Pedagang adalah Pengebil berdaftar di bawah Skim.
- 1.2 Sebagai balasan terhadap fi yang dibayar kepada Bank, Bank bersetuju untuk memudahkan penyertaan Pedagang dalam Skim mengikut Lampiran G ini.
- 1.3 Pedagang dengan ini bersetuju untuk mematuhi semua kaedah operasi JomPAY yang dikeluarkan oleh Pengendali Skim yang terpakai kepada Pedagang seperti yang diperuntukkan dalam Lampiran G ini termasuk sebarang semakan masa hadapan yang akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pedagang.

**2. FI**

- 2.1 Pedagang hendaklah membayar Kadar Diskaun Pedagang dan/atau Fi ke atas transaksi pada kadar yang dimaklumkan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pedagang dari semasa ke semasa.

**3. JENIS PEMBAYARAN**

- 3.1 Pedagang hendaklah menerima Pembayaran yang mengeluarkan dana dari CASA dan juga Pembayaran yang mengeluarkan dana dari Akaun Kemudahan Kredit (*'Line of Credit Accounts'*).

**4. KEWAJIPAN PEDAGANG**

- 4.1 Pedagang hendaklah tidak mengenakan sebarang fi kepada Pembayar yang membuat Pembayaran melalui Skim JomPAY.
- 4.2 Pedagang hendaklah memastikan bahawa ia mempunyai dan mengekalkan prosedur dan sistem yang mencukupi untuk menerima dan memproses dengan segera Arahan Pembayaran yang ia terima daripada Bank dan dengan segera dan betul mengkreditkan atau mendebitkan mengikut mana-mana yang berkenaan amaun setiap Arahan Pembayaran ke akaun Pembayar yang terpakai dengan Pedagang.
- 4.3 Pedagang mesti tidak membuat sebarang waranti atau representasi berkenaan dengan barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan yang mungkin mengikat Bank, Pengendali Skim, Bank Pembayar atau mana-mana Peserta lain dalam Skim.
- 4.4 Pedagang mesti mewujudkan dan mengekalkan dasar yang adil untuk pembetulan kesilapan dan memudahkan pemulihan dana untuk Arahan Pembayaran Tersilap dan Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran.
- 4.5 Pedagang hendaklah bersetuju kepada dan membenarkan Bank mendedahkan maklumatnya berkaitan dengan proses pembayaran sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengendali Skim secara munasabah untuk perkhidmatan JomPAY.

- 4.6 Pedagang yang telah diberikan lesen tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan Jenama JomPAY tidak boleh melesenkan atau menyerahkan hak guna tersebut kepada mana-mana pihak ketiga yang lain. Pedagang hendaklah mematuhi Garis Panduan Jenama JomPAY pada setiap masa.
- 4.7 Bagi tujuan Klausula 4.6, Pedagang akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, ganti rugi dan perbelanjaan yang timbul daripada atau disebabkan oleh penyalahgunaan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Jenama JomPAY. Sekiranya berlaku pelanggaran sedemikian, hak sublesen Pedagang untuk menggunakan Jenama JomPAY akan dibatalkan dan dihentikan dengan segera, dan seterusnya Lampiran G ini akan ditamatkan dengan sewajarnya. Selepas penamatan, Klausula 4.8 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.
- 4.8 Selepas penamatan Lampiran G ini, Pedagang akan melakukan perkara berikut:
- a) Menasihatkan pelanggannya dengan segera bahawa mereka tidak akan menerima Pembayaran lagi melalui JomPAY dari tarikh kuat kuasa penamatan pengaksesan Pedagang kepada JomPAY;
  - b) Pedagang akan terus mengekalkan akaun dengan Bank untuk mengkreditkan pungutan bil untuk tempoh tidak kurang daripada lima (5) Hari Perniagaan selepas tarikh berkuat kuasa penamatan;
  - c) Hendaklah memastikan bahawa transaksi dalam proses (*'inflight transactions'*) selesai;
  - d) Menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan, atau boleh dianggap berkaitan dengan Skim JomPAY;
  - e) Mengeluarkan semua Jenama dan cap JomPAY daripada saluran pembayaran Pedagang;
  - f) Mengembalikan kepada Pengendali Skim semua perisian, dokumen dan aset harta intelek untuk JomPAY.
- 4.9 Keseluruhan Klausula 4 di sini hendaklah kekal terpakai selepas penamatan Lampiran G ini. Penamatan tidak menjejaskan hak terakru dan kewajipan tertanggung mana-mana pihak sebelum penamatan.

## **5. KEWAJIPAN BANK**

- 5.1 Jika Pedagang menerima RTN, Bank hendaklah memberikan jaminan tidak boleh batal kepada Pedagang bahawa Pedagang akan menerima dana yang dinyatakan dalam RTN. Dengan jaminan tidak boleh batal ini bahawa dana akan dikreditkan, Pedagang boleh menghantar barangan atau memberikan perkhidmatan berdasarkan penerimaan RTN.
- 5.2 Bank hendaklah melaksanakan langkah-langkah munasabah yang ia fikirkan perlu untuk mengesan, mengurangkan, menyelesaikan dan mencegah perbuatan penipuan, sebenar dan disyaki.

## **6. PEMUNGUTAN SEMULA DANA**

- 6.1 Pedagang hendaklah membantu Bank dengan siasatan berkenaan Arahan Pembayaran Tersilap, Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran, Arahan Pembayaran Penipuan, dan hendaklah membuat bayaran balik yang diperlukan kepada Pembayar, Bank Pembayar atau Bank (mengikut mana-mana yang berkenaan), sekiranya didapati bahawa Pedagang bertanggungjawab untuk Pembayaran Tersilap, Pembayaran Tanpa Kebenaran atau Pembayaran Penipuan sedemikian (mengikut mana-mana yang berkenaan).
- 6.2 Sekiranya Pembayaran Tersilap disebabkan oleh Pedagang selepas penentuan dan pengesahan daripada Pedagang berkenaan dengan Pembayaran Tersilap tersebut, Bank hendaklah serta-merta membatalkan

semua debit yang tersilap diposkan ke akaun Pelanggan Bank tanpa mengira sama ada dana telah dipungut semula daripada pihak lain yang terjejas.

#### **Arahan Pembayaran Salah/Tersilap**

- 6.3 Bank hendaklah memaklumkan Pedagang sebaik sahaja Bank menerima permintaan untuk memungut semula dana yang tersilap dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh Arahan Pembayaran Salah/Tersilap. Pedagang mesti memudahkan proses pemungutan semula dana yang dinyatakan dalam Klausula 6.4.
- 6.4 Apabila menerima permintaan untuk memungut semula dana untuk Arahan Pembayaran Salah/ Arahan Pembayaran Tersilap, Bank mempunyai hak untuk mendebitkan akaun Pedagang untuk memperoleh semula dana dalam masa satu (1) Hari Perniagaan selepas syarat berikut dipenuhi:
- 6.4.1 Sekiranya permintaan untuk memungut semula dana diterima dalam tempoh dua puluh satu (21) Hari Perniagaan dari tarikh Arahan Pembayaran Salah/ Arahan Pembayaran Tersilap dan:
- a) Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah tersilap dikreditkan ke akaun Pedagang;
  - b) Dana telah dikreditkan ke akaun Pedagang;
  - c) Pedagang tidak bertindak bergantung kepada RTN;
  - d) RTN (jika berkenaan) belum dihantar kepada Pedagang;
  - e) Terdapat baki yang mencukupi dalam akaun Pedagang untuk menampung jumlah pemungutan semula; dan
  - f) Bank telah memberikan pemberitahuan kepada Pedagang berkenaan cadangan untuk mendebitkan akaun Pedagang.
- 6.4.2 Sekiranya permintaan untuk memungut semula dana diterima antara dua puluh dua (22) Hari Perniagaan dan tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran Salah/Arahan Pembayaran Tersilap dan:
- a) Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah tersilap dikreditkan ke akaun Pedagang;
  - b) Terdapat baki yang mencukupi dalam akaun Pedagang; dan
  - c) Bank telah memaklumkan Pedagang tentang permintaan memungut semula dana, memberikan butiran Arahan Pembayaran yang didakwa Salah/ Arahan Pembayaran yang didakwa Tersilap tetapi Pedagang tidak memberikan kepada Bank, dalam tempoh empat belas (14) Hari Perniagaan selepas pemberitahuan bertulis, bukti munasabah bahawa Pedagang berhak mendapat dana tersebut.
- 6.4.3 Jika permintaan untuk memungut semula dana diterima selepas tujuh (7) bulan dari tarikh Arahan Pembayaran Salah/Arahan Pembayaran Tersilap dan:
- a) Bank berpuas hati sepenuhnya bahawa dana telah tersilap dikreditkan ke akaun Pedagang;
  - b) Bank telah meminta persetujuan Pedagang secara bertulis untuk mendebitkan akaun Pedagang untuk memungut semula dana, dan Pedagang telah memberikan kebenarannya untuk mendebitkan akaunnya.
- 6.5 Apabila Pedagang menerima permintaan bertulis untuk persetujuan daripada Bank seperti yang diterangkan dalam Klausula 6.4.3(b), Pedagang tidak boleh secara tidak munasabah menahan persetujuan untuk mendebitkan akaunnya di mana terdapat permintaan pemungutan semula dana yang sah dan hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis sama ada persetujuan diberikan dalam tempoh empat belas (14) Hari Perniagaan dari permintaan bertulis untuk persetujuan.

### **Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran/ Penipuan**

- 6.6 Bank hendaklah memaklumkan Pedagang sebaik sahaja Bank menerima permintaan untuk memungut semula dana yang telah dikreditkan kepada Pedagang disebabkan oleh Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran/Penipuan. Pedagang mesti memudahkan proses pemungutan semula dana yang dinyatakan dalam Klausa 6.7.
- 6.7 Jika Pedagang menerima Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan/atau Penipuan, Pedagang hendaklah:
- a) Segera mengambil semua langkah praktikal untuk mencegah penggunaan atau aplikasi dana yang tidak dibenarkan/dipindahkan secara penipuan untuk manfaat Penerima Penipuan;
  - b) Serahkan kepada Bank dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan, maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, maklumat perhubungan, nombor kad pengenalan /nombor passport untuk mengenal pasti secara konklusif Penerima Penipuan;
  - c) Mengambil semua langkah praktikal yang dibenarkan di bawah undang-undang untuk memungut semula dana daripada penerima dana yang tidak disengajakan termasuk tetapi tidak terhad kepada membalikkan kredit, mengeluarkan deposit atau jaminan kewangan lain yang Penerima Penipuan letakkan dengan Pedagang, menghentikan penghantaran barang, menggantung perkhidmatan yang telah dibayar oleh Penerima Penipuan, mengambil semula barang yang dihantar kepada Penerima Penipuan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap Penerima Penipuan; dan
  - d) Segera berikan maklumat yang diperlukan dalam Klausa 6.7 (b) kepada Bank Pembayar untuk memudahkan penyiasatan Bank Pembayar.
- 6.8 Sekiranya Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan/atau Penipuan diterima oleh Pedagang, Bank hendaklah melakukan perkara berikut (apabila mengetahui tentang penipuan tersebut):
- a) memberitahu Pedagang tentang RTN yang berkaitan dengan Arahan Pembayaran Penipuan dan tentang Arahan Pembayaran Penipuan;
  - b) Menyiasat Pedagang untuk menentukan sama ada Pedagang terbabit dalam penipuan tersebut. Jika Bank mempunyai alasan yang mencukupi untuk mengesyaki bahawa Pedagang terlibat dalam penipuan atau mendapat manfaat daripada penipuan, Bank hendaklah menghalang pengeluaran atau penggunaan baki dana dalam akaun Pedagang dengan Bank sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan mengenai Kerugian Tidak Dapat Dipungut Semula. Pedagang hendaklah memudahkan penyiasatan Bank.
- 6.9 Sekiranya Pedagang bertanggungjawab untuk Arahan Pembayaran Penipuan, Klausa 15.3 hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

### **7. KETERSEDIAAN DANA**

- 7.1 Pedagang hendaklah memberikan kredit kepada akaun Pembayar dengan Pedagang pada Hari Perniagaan di mana Pembayar memulakan Arahan Pembayaran kepada Pedagang, dengan syarat bahawa Arahan Pembayaran telah dimulakan sebelum Masa Penggalan IBG Hari Sama untuk Hari Perniagaan tersebut.
- 7.2 Bank hendaklah memastikan Pengebil mereka mengakui bahawa Arahan Pembayaran yang dibuat oleh Pembayar pada Hari Perniagaan dianggap diterima oleh Pengebil pada hari yang sama, dengan syarat bahawa Arahan Pembayaran telah dimulakan sebelum Masa Penggalan IBG Hari Sama untuk Hari Perniagaan tersebut.

### **8. KELEWATAN PEMBAYARAN**

- 8.1 Tertakluk kepada Klausula 8.2, Pedagang mengakui bahawa kelewatan mungkin berlaku dalam pemprosesan Arahan Pembayaran dalam kejadian berikut:
- a) Arahan Pembayaran dibuat pada hari kelepasan am;
  - b) Pada hari selepas Pembayar memberikan Arahan Pembayaran adalah hari kelepasan am; dan
  - c) Arahan Pembayaran diterima sama ada pada Hari Bukan Perniagaan atau selepas Masa Penggalan IBG Hari Sama pada Hari Perniagaan.
- 8.2 Walaupun dijangka bahawa kelewatan dalam prestasi Bank bagi Lampiran G ini disebabkan oleh sebab-sebab yang dinyatakan dalam Klausula 8.1, kelewatan tidak akan melebihi satu (1) Hari Perniagaan.

## **9. PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

- 9.1 Pedagang boleh membuat aduan kepada Pengendali Skim jika terdapat dakwaan tentang ketidakpatuhan Bank kepada kaedah Skim JomPAY. Pengendali Skim hendaklah menyemak aduan dan dakwaan tersebut mengikut Klausula 9.2.
- 9.2 Pedagang hendaklah berhak untuk merujuk pertikaian mereka kepada Pengendali Skim jika terdapat dakwaan tentang ketidakpatuhan Peserta kepada kaedah Skim JomPAY. Pengendali Skim akan menyemak aduan dan dakwaan tersebut, tetapi semakan tersebut akan terhad kepada:
- 9.2.1 Penentuan sama ada terdapat ketidakpatuhan;
  - 9.2.2 Menetapkan remedi untuk Peserta untuk membetulkan atau menangani ketidakpatuhan; dan
  - 9.2.3 Penentuan jika penalti terpakai bagi ketidakpatuhan tersebut.
- 9.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Pengendali Skim berikutan aduan daripada Pedagang hendaklah mengikat Bank secara prima facie.

## **10. TANGGUNG RUGI**

- 10.1 Sebagai tambahan kepada Klausula 17 Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, tertakluk kepada pematuhan pihak lain dengan Klausula 10.2, setiap pihak ("**Pihak Menanggung Rugi**") bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan pihak lain dan kakitangan, ejen, pekerja dan kontraktornya tidak dipertanggungjawabkan atas dasar tanggung rugi penuh terhadap semua tuntutan, liabiliti, penalti, perbelanjaan, kos, kerugian atau ganti rugi dalam apa jua bentuk (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh yang ditanggung oleh pihak lain) yang dialami atau ditanggung oleh pihak lain akibat daripada mana-mana yang berikut:
- a) Sebarang kecuaiian, salah nyata atau penipuan Pihak Menanggung Rugi, kakitangan, ejen, pekerja atau kontraktornya berkenaan dengan pelaksanaan kewajibannya atau pelaksanaan mana-mana haknya di bawah Lampiran G ini;
  - b) Sebarang tuntutan oleh Pembayar, Bank, Bank Pembayar, Pengendali Skim atau mana-mana orang lain untuk sebarang pelanggaran oleh Pihak Menanggung Rugi terhadap mana-mana undang-undang yang terpakai;
  - c) Kegagalan Pihak Menanggung Rugi untuk mematuhi mana-mana kewajibannya di bawah Lampiran G ini; dan
  - d) Sebarang penggunaan Jenama JomPAY oleh Pihak Menanggung Rugi selain daripada yang dibenarkan oleh Lampiran G ini,

kecuali setakat liabiliti tersebut timbul atau ditanggung oleh pihak lain disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan pihaknya yang disebutkan dalam Klausula 10.1 (a) hingga (d).

- 10.2 Sekiranya tuntutan dilakukan terhadap pihak yang mana pihak tersebut berhak untuk ditanggung rugi menurut Klausula 10.1, pihak tersebut mesti:
- memberi notis tentang sebarang tuntutan sedemikian kepada pihak lain;
  - berunding dengan pihak lain berhubung dengan sebarang tuntutan sedemikian;
  - tidak menyelesaikan sebarang tuntutan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak lain, kebenaran tersebut tidak boleh ditahan secara tidak munasabah.
- 10.3 Bank tidak bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pedagang akibat:
- pembayaran yang hilang atau tersilap; dan
  - kelewatan atau gangguan yang disebabkan oleh sebarang kegagalan sistem di luar kawalan munasabah Bank.
- 10.4 Bagi tujuan klausula ini, kerugian atau ganti rugi termasuk sebarang kerugian atau ganti rugi berbangkit atau ekonomi.

## **11. PENGGANTUNGAN & PENAMATAN**

### **Penggantungan**

- 11.1 Pengendali Skim atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan hak untuk menggantung pengaksesan Pedagang kepada Skim di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- 11.1.1 Pedagang memungkirkan Lampiran G ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang yang berkaitan dengan JomPAY yang terpakai yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Bank;
  - 11.1.2 Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi, mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan Skim dan/atau IBG;
  - 11.1.3 Pedagang disyaki atas dasar munasabah bahawa ia telah melakukan atau akan melakukan tindakan penipuan berkaitan dengan Skim;
  - 11.1.4 Pengendali Skim telah menentukan bahawa Pedagang tidak aktif dalam Skim, selepas tempoh dua belas (12) bulan di mana Pedagang tidak menerima sebarang Arahan Pembayaran.
- 11.2 Selepas penggantungan Pedagang dalam Skim:
- 11.2.1 Perkhidmatan yang disediakan kepada Pedagang di bawah Skim akan digantung dengan segera;
  - 11.2.2 Pedagang tidak akan mempunyai pengaksesan kepada BMM;
  - 11.2.3 Pedagang akan berhenti mengeluarkan sebarang bil kepada Pembayar atau menerima Pembayaran daripada Bank Pembayar;
  - 11.2.4 Pedagang tidak lagi mempunyai pengaksesan kepada Bank Pengebil yang Pedagang dipautkan kepada Kod Pengebilannya;
  - 11.2.5 Pedagang bertanggungjawab mencari kaedah alternatif untuk mengeluarkan bil semasa tempoh penggantungan;
  - 11.2.6 Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk membantu Bank memaklumkan kepada setiap Pembayar yang terjejas oleh tindakan bahawa Pedagang tidak lagi mengambil bahagian dalam Skim, dalam bentuk yang diarahkan oleh Bank;
  - 11.2.7 Pedagang mesti menghentikan semua promosi dan pengiklanan yang berkaitan atau boleh dianggap berkaitan dengan Skim JomPAY;

- 11.2.8 Pedagang mesti mengeluarkan semua Jenama JomPAY daripada kolateral, saluran dan laman web pemasaran Pedagang; dan
- 11.2.9 Pedagang mesti mengambil semua langkah yang munasabah untuk mematuhi mana-mana arahan Bank untuk meminimumkan kesan penggantungan atau penamatan ke atas Pembayar.

### **Penamatan**

- 11.3 Pengendali Skim atau Bank, mengikut mana-mana yang berkenaan, merizabkan hak untuk menamatkan perkhidmatan yang disediakan di bawah Lampiran G atau Skim JomPAY ini di bawah keadaan berikut, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
  - 11.3.1 Lampiran G antara Pedagang dan Bank ini ditamatkan atau tamat tempoh;
  - 11.3.2 Pedagang memungkir Lampiran G ini, kaedah, garis panduan, peraturan, pekeliling atau undang-undang yang berkaitan dengan JomPAY yang terpakai yang telah dimaklumkan kepada Pedagang oleh Bank;
  - 11.3.3 Pedagang gagal untuk membetulkan atau mengambil langkah yang mencukupi untuk membetulkan keingkarannya di bawah Lampiran G ini kepada kepuasan Bank atau Pengendali Skim, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank;
  - 11.3.4 Pedagang mempunyai kawalan operasi yang tidak mencukupi atau proses pengurusan risiko yang tidak mencukupi yang mengakibatkan ancaman berpotensi terhadap kestabilan, integriti, keselamatan dan kecekapan Skim dan/atau IBG;
  - 11.3.5 Perintah mahkamah menjejaskan keanggotaan dan/atau status undang-undang Pedagang atau Bank Pengebil;
  - 11.3.6 Arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia atau kerajaan menjejaskan keanggotaan dan/atau status undang-undang Pedagang atau Bank Pengebil;
  - 11.3.7 Insolvensi Pedagang;
  - 11.3.8 Keanggotaan Bank di dalam Skim, IBG atau RENTAS ditamatkan atau digantung dan Pedagang belum melantik Bank Pengebil gantian;
  - 11.3.9 Pengendali Skim telah menentukan Pedagang tidak aktif atau Pedagang dianggap tidak aktif apabila tiada transaksi JomPAY untuk tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut.
- 11.4 Selepas penamatan Lampiran G ini, penyertaan Pedagang dalam Skim JomPAY ditamatkan secara automatik dan Pedagang tidak lagi mempunyai pengaksesan kepada Skim JomPAY dan perkhidmatan yang disediakan di bawah Skim JomPAY.

## **12. PENGIKLANAN DAN PENGGUNAAN LOGO**

- 12.1 Pedagang mesti menggunakan denotasi yang sesuai atau legenda pendaftaran atau pemilikan cap dagangan berkaitan dengan Jenama JomPAY, seperti yang diperlukan atau dipersetujui oleh Bank.
- 12.2 Pedagang diberikan kebenaran untuk menggunakan denotasi atau legenda cap dagangan Jenama JomPAY, hanya untuk tujuan publisiti, pertunjukan dan pengiklanan bahawa Pedagang menerima Arahan Pembayaran melalui Skim.
- 12.3 Sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau pelanggaran atau pelanggaran berpotensi atau penyalahgunaan Jenama JomPAY, Pengendali Skim atau Bank mempunyai hak mutlak untuk membatalkan persetujuan yang diberikan dan Pedagang hendaklah menghentikan semua penggunaan denotasi dan cap dagangan bagi Jenama JomPAY oleh Pedagang dengan atau tanpa memberi alasan apa pun.
- 12.4 Jika Pedagang ingin menggunakan denotasi atau legenda pendaftaran cap dagangan atau pemilikan

berkaitan dengan mana-mana cap selain daripada Jenama JomPAY, tetapi digunakan bersama dengan Jenama JomPAY, Pedagang boleh berbuat demikian dengan syarat penggunaan tersebut tidak akan menjejaskan dengan buruk hak Pengendali Skim dalam Jenama JomPAY; dan spesifikasi untuk penggunaan sedemikian adalah dimaklumkan secara bertulis kepada Bank, dan Bank memberikan kelulusan bertulisnya berkenaan spesifikasi tersebut sebelum penggunaan sedemikian.

- 12.5 Pedagang mesti tidak menggunakan Jenama JomPAY dengan cara di mana ia mewujudkan tanggapan bahawa barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pedagang adalah ditaja, dihasilkan, ditawarkan atau dijual oleh pemilik Jenama JomPAY. Pedagang mesti tidak menggunakan "**JomPAY**" atau mana-mana Jenama JomPAY lain sebagai mana-mana bahagian nama perniagaannya atau menggunakannya pada mana-mana barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan untuk jualan.
- 12.6 Pedagang mesti segera apabila menyedari sebarang pelanggaran atau pelanggaran berpotensi Jenama JomPAY, memaklumkan kepada Bank.

### **13. PENGKREDITAN KEPADA PEDAGANG**

- 13.1 Bank dikehendaki mengkreditkan akaun bank Pedagang dengan dana daripada Pembayaran JomPAY yang masuk dan menjadikan dana masuk tersedia untuk kegunaan tanpa halangan Pedagang dalam masa dua (2) jam selepas penjelasan IBG untuk transaksi *Off-us* kami dan dalam tempoh lima (5) minit selepas mendebitkan dana daripada akaun bank Pembayar untuk transaksi *On-us*, kecuali untuk situasi di mana Pedagang telah secara khusus bersetuju secara bertulis untuk pengeposan tertunda atau berkelompok.
- 13.2 Bank mesti membuat pembayaran sepenuhnya kepada Pedagang dan tidak akan menolak sebarang fi daripada hasil pembayaran yang perlu dibayar kepada Pedagang, kecuali untuk situasi di mana Pedagang secara khusus telah bersetuju secara bertulis bahawa fi JomPAY akan ditolak daripada Arahan Pembayaran

### **14. PROVISION OF RECONCILIATION INFORMATION**

- 14.1 Bank hendaklah menyediakan kepada Pedagang maklumat minimum berikut, bagi tujuan memudahkan proses penyelarasan Pedagang dan memperakaun pembayaran resit dan fi:
- i. RRN (Ruj-1);
  - ii. RRN (Ruj-2), di mana terpakai;
  - iii. Nombor rujukan JomPAY;
  - iv. Nilai Transaksi;
  - v. Tarikh dan masa debit;
  - vi. Nama Pembayar;
  - vii. Nama Bank Pembayar;
  - viii. Jenis Akaun;
  - ix. Saluran Bayaran;
  - x. Jumlah kasar nilai transaksi;
  - xi. Jumlah volum transaksi; dan
  - xii. Jumlah fi/komisen yang dicaj.
- 14.2 Bank hendaklah menyerahkan kepada Pedagang, maklumat yang diterangkan dalam Klausula 14.1, sekurang-kurangnya mengikut cara berikut:
- i. Fail data atau fail elektronik;
  - ii. Penyata atau e-penyata;
  - iii. E-mel; atau
  - iv. Laporan, sama ada elektronik atau salinan cetak.



## **15. LIABILITI UNTUK KERUGIAN YANG TIDAK BOLEH DIPUNGUT SEMULA**

- 15.1 Bagi Arahan Pembayaran Salah/ Pembayaran Tersilap/Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan/atau Penipuan yang tidak boleh sebahagiannya atau sepenuhnya dipungut semula, jumlah yang tidak boleh dipungut semula akan dianggap sebagai Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula dan pihak yang menyebabkan Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula akan bertanggungjawab untuk menanggung kerugian tersebut.
- 15.2 Jika Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk membuat kesimpulan selepas penyasatannya bahawa Pedagang menyebabkan Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula, Bank akan memberitahu Pedagang dan berhak untuk membekukan dana dalam akaun Pedagang sehingga terdapat penyelesaian yang memuaskan berkenaan Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula. Jumlah yang dibekukan hendaklah berjumlah tidak lebih daripada jumlah Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula.
- 15.3 Pedagang bersetuju untuk mengambil semua langkah untuk mendapatkan semula Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula jika Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula adalah disebabkan oleh kesalahan atau kecuaiannya. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, ini tidak akan melarang Bank untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Pedagang, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, untuk menampung Kerugian Tidak Boleh Dipungut Semula yang ditanggung.
- 15.4 Bank hendaklah membayar balik fi JomPAY dan fi IBG (jika terpakai) yang ditanggung untuk Arahan Pembayaran Salah/ Pembayaran Tersilap/ Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran dan/atau Penipuan, jika kesilapan tersebut bukan disebabkan oleh Pedagang kecuali dalam situasi di mana Pedagang memutuskan untuk membayar balik sebahagian terlebih bayar. Jika Pedagang memilih untuk membayar balik sebahagian daripada lebihan bayaran kepada Pembayar, Pedagang hendaklah menanggung fi transaksi untuk melaksanakan pembayaran balik.

## **16. REPRESENTASI DAN WARANTI**

- 16.1 Pedagang mengakui dan bersetuju bahawa kewajipan kerahsiaan meluas kepada tetapi tidak terhad kepada yang dinyatakan dalam Klausa 18, pendedahan fi dan caj yang terkandung dalam Lampiran G ini; dan sebarang teknologi atau pengetahuan yang berkaitan dengan Skim atau prestasi Lampiran G ini.
- 16.2 Pedagang bersetuju untuk mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mana ia terikat dan tidak akan melakukan sebarang tindakan yang akan menyebabkan Bank, Bank Pembayar dan Pengendali Skim memungkirkan mana-mana undang-undang perlindungan data peribadi.

## **17. PENAFIAN**

- 17.1 Walau apa pun perkara lain yang bertentangan, berhubung dengan Lampiran G ini, Pengendali Skim dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, tindakan, permintaan, kos, perbelanjaan, kerugian dan ganti rugi (sebenar dan berbangkit) termasuk kos guaman yang ditanggung atau dialami oleh Pedagang yang timbul daripada atau disebabkan oleh Bank berhubung dengan operasi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank dalam Skim. Pedagang bersetuju bahawa ia akan berkomunikasi dan menyelesaikan sebarang pertikaian berhubung dengan perkara yang disebutkan di atas dengan Bank.

## **18. KERAHSIAAN**

- 18.1 Pedagang hendaklah menganggap sebarang maklumat yang diterima atau milik hasil daripada Lampiran G ini, sebagai sulit dan tidak akan menggunakan maklumat tersebut selain untuk tujuan yang diberikan.

- 18.2 Pedagang hendaklah memastikan bahawa pekerja, wakil dan pembekal mereka sentiasa mematuhi keperluan kerahsiaan.
- 18.3 Kewajipan Pedagang mengenai kerahsiaan akan kekal selepas tamat tempoh atau penamatan pengaksesan mereka dalam perkhidmatan JomPay atau Lampiran G ini.
- 18.4 Klausula 18.1 tidak akan terpakai kepada maklumat yang:
- i. sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi pengetahuan umum tanpa sebarang kemungkiran Lampiran G ini oleh Pedagang;
  - ii. sedang atau telah pada masa penggunaan atau pendedahan menjadi diketahui umum kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan yang sama atau serupa dengan Pedagang atas dasar tidak sulit tanpa tindakan salah Pedagang;
  - iii. diperoleh secara sah oleh Pedagang daripada pihak ketiga tanpa sebarang kewajipan oleh Pedagang untuk mengekalkan maklumat proprietari atau sulit;
  - iv. diketahui oleh Pedagang sebelum pendedahan di bawah ini tanpa sebarang kewajipan untuk merahsiakannya dan maklumat tersebut tidak didedahkan oleh Bank di bawah Lampiran G ini;
  - v. dibangunkan secara bebas oleh Pedagang tanpa merujuk atau menggunakan maklumat Bank;
  - vi. dikehendaki untuk mendedah atau membocor oleh mana-mana mahkamah, tribunal, kerajaan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atau oleh mana-mana statut, peraturan atau keperluan undang-undang lain, panel pengambilalihan atau badan awam atau separa awam lain seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan di mana Pedagang diperlukan oleh undang-undang untuk membuat pendedahan sedemikian. Pedagang hendaklah memberi pemberitahuan sebaik sahaja praktikal sebelum pendedahan tersebut dibuat.

## **19. PENGUBAHAN DAN PENEPIAN**

- 19.1 Bank boleh mengubah terma-terma Lampiran G ini pada bila-bila masa untuk memastikan pematuhan dengan prosedur operasi Pengendali Skim dan perubahan sedemikian akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan oleh Bank.
- 19.2 Sebarang peruntukan di sini tidak boleh diketepikan kecuali secara bertulis yang ditandatangani oleh pihak yang memberikan penepian.

## **20. FORCE MAJEURE**

- 20.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pedagang untuk sebarang kerugian atau ganti rugi (termasuk secara langsung atau berbangkit), akibat kegagalan untuk mematuhi atau melaksanakan kewajibannya di bawah Lampiran G ini atas sebab-sebab yang tidak boleh dikawal atau dihalang oleh Bank dengan usaha munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada, mogok, bencana alam, kejadian semula jadi, kebakaran, banjir, ribut, rusuhan, kekurangan kuasa atau kegagalan kuasa, gangguan kuasa oleh peperangan, sabotaj atau ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga kerja, bahan api atau utiliti yang mencukupi.

## **21. DEFINISI DAN TAFSIRAN**

- 21.1 Perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Lampiran G ini mempunyai maksud berikut:-

“**Pelanggan Bank**” bermaksud mana-mana individu atau entiti korporat yang mempunyai akaun dengan Bank yang telah menerima Arahan Pembayaran Salah atau Arahan Pembayaran Penipuan dan/atau dana disebabkan kesilapan Pengebil lain, Pembayar atau mana-mana pelanggan Bank;

“**Benefisiari Penipuan**” bermaksud pihak yang mendapat manfaat daripada Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran atau Arahan Pembayaran Penipuan;

“**Pengebil**” bermaksud Pedagang;

“**Bank Pengebil**” bermaksud Bank yang merupakan Peserta yang dilantik oleh Pedagang yang merupakan Pengebil untuk memudahkan pemungutan pembayaran bil oleh Pedagang melalui Skim;

“**Kod Pengebil**” bermaksud kod angka alfa yang mengenal pasti secara unik sama ada:

- Pengebil; atau
- Kategori produk atau perkhidmatan Pengebil untuk tujuan menyalurkan Pembayaran kepada Pedagang;

“**Modul Pengurusan Pengebil atau BMM**” bermaksud aplikasi berasaskan web untuk mengekalkan butiran Pedagang tetapi boleh diakses oleh Pedagang, Bank Pembayar, Bank dan Pengendali Skim;

“**CASA**” bermaksud akaun semasa dan simpanan;

“**Pelanggan**” bermaksud istilah yang digunakan untuk merujuk secara kolektif kepada Pengebil-Pengebil, Pembayar dan pelanggan lain Peserta;

“**Arahan Pembayaran Salah**” bermaksud Arahan Pembayaran yang dimulakan secara salah atau tidak tepat seperti berikut:

- Peserta mengesposkan kemasukan yang salah ke akaun bank Pengebil/Pembayar, atau menjana Arahan Pembayaran yang tidak sah, salah, tersalah hala atau pendua bagi pihak Pengebil/Pembayar disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan operasi;
- Kesilapan teknikal atau operasi pada Pengendali Skim yang mengakibatkan Arahan Pembayaran yang tidak betul atau dipendukan; dan
- Arahan Pembayaran Tersilap yang ditujukan kepada Pengebil/Pembayar yang salah, mengandungi nombor rujukan penerima yang salah, membawa jumlah yang salah, atau dipendukan

“**Arahan Pembayaran Penipuan**” bermaksud Pembayaran yang telah didorong dengan cara yang tidak jujur atau penipuan dan yang diminta oleh Pembayar untuk dikembalikan. Ia termasuk kes di mana Pembayar membuat Pembayaran sebagai akibat daripada invois penipuan yang dikeluarkan oleh pihak ketiga yang mengaku sebagai Pengebil (dan sebenarnya bukan Pengebil) atau pihak ketiga yang menyamar sebagai Pengebil;

“**Masa Penggalan IBG Hari Sama**” bermaksud tarikh akhir pada Hari Perniagaan di mana dana daripada Arahan Pembayaran:

- Dimulakan sebelum tarikh akhir ini akan dikreditkan pada Hari Perniagaan yang sama;
- Dimulakan selepas tarikh akhir ini akan dikreditkan pada Hari Perniagaan berikutnya;

“**GIRO antara bank atau IBG**” bermaksud pembayaran antara bank dan sistem pemindahan dana yang memudahkan pembayaran dan pungutan melalui pertukaran transaksi digital antara bank;

“**Jenama JomPAY**” bermaksud jenama, ikon, logo dan cap untuk Skim JomPAY;

“**Akaun Kemudahan Kredit** (*‘Line of Credit Accounts’*)” bermaksud akaun kad kredit, akaun kad caj dan akaun kad prabayar;

“**Arahan Pembayaran Tersilap**” bermaksud pembayaran yang dibuat, atau tidak dibuat, kepada seseorang atau untuk jumlah yang tidak mengikut Arahan Pembayaran Pembayar atau mengandungi kesilapan di dalam Arahan Pembayaran daripada Pembayar yang mengakibatkan pembayaran yang:

- ditujukan kepada Pelanggan yang salah;
- mengandungi Nombor Rujukan Penerima yang salah;
- membawa jumlah yang salah; atau
- dipendukuakan.

“**Off-us**” bermakna semua Arahan Pembayaran di mana Bank Pembayar dan Bank Pengebil bukan bank yang sama;

“**On-us**” bermakna semua Arahan Pembayaran di mana Bank Pembayar dan Bank Pengebil adalah bank yang sama;

“**Peserta**” bermaksud bank yang merupakan ahli Skim;

“**Pembayar**” bermaksud individu, syarikat, badan korporat, perniagaan (termasuk pemilik tunggal dan perkongsian), agensi kerajaan, badan berkanun, persatuan, dan Pelanggan Bank lain yang membuat Pembayaran kepada Pengebil menggunakan Skim;

“**Bank Pembayar**” bermaksud Peserta dalam Skim yang menawarkan perkhidmatan yang membenarkan Pembayar untuk memulakan Arahan Pembayaran;

“**Arahan Pembayaran**” atau “**Pembayaran**” bermaksud pesanan daripada Pembayar kepada Bank Pembayarannya yang mengarahkan Bank Pembayar untuk:

- Mengeluarkan dana daripada akaun bank Pembayar; dan
- Memindahkan kemasukan IBG untuk memindahkan dana kepada Bank untuk membayar Pedagang untuk bil;

“**Pemberitahuan masa-nyata atau RTN**” bermaksud satu bentuk mesej elektronik yang dihantar kepada Pedagang untuk memberikan notis awal pembayaran masuk daripada Pembayar sebaik sahaja akaun bank Pembayar telah berjaya didebitkan untuk Arahan Pembayaran kepada Pedagang;

“**Nombor Rujukan Penerima atau RRR**” bermaksud pengecam unik yang diberikan oleh Pedagang kepada Pembayar yang dirujuk sebagai Ruj-1 dan Ruj-2 pada bil;

“**Skim**” bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh PayNet yang memudahkan pembayaran bil di mana-mana pada keseluruhan industri melalui penggunaan Kod Pengebil standard dan Nombor Rujukan Penerima;

“**Pengendali Skim atau SO**” bermaksud pemilik atau pengendali Skim JomPAY;

“**Arahan Pembayaran Tanpa Kebenaran**” bermaksud pembayaran yang dibuat tanpa kebenaran Pembayar yang dikatakan telah memulakan pembayaran tersebut. Ia termasuk kes di mana Arahan Pembayaran telah dibuat oleh pihak ketiga yang telah memperoleh pengaksesan tanpa kebenaran ke akaun Pembayar dan membuat arahan Pembayaran tanpa kebenaran daripada akaun Pembayar untuk membuat pembayaran lain;

“**Kerugian Tidak Boleh Pulih**” bermaksud bahagian dana yang dikreditkan kepada pihak yang salah disebabkan oleh Pembayaran Kesilapan atau Pembayaran Penipuan yang tidak boleh diperolehi semula selepas Peserta telah menghabiskan proses pemulihan dana.

**22. LAMPIRAN G HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PEDAGANG**

- 22.1 Lampiran G ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang Bank. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, Lampiran G akan mengatasi Terma-terma dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pedagang, setakat mana yang berkaitan dengan penggunaan JomPAY.

• Halaman selebihnya sengaja dibiarkan kosong •